

Shaiful Bahri Md. Radzi, Hanapi Dollah, Solehah Ishak,
Mohamad Rodzi Abd. Razak dan Mohamed Fadzeli Jaafar

PENGARUH MELAYU DALAM PANTUN MAH MERI

Pengenalan

Antara bahan folklor berbentuk puisi yang istimewa dan unik milik Melayu ialah pantun. Keistimewaan dan keunikan pantun dapat diukur pada bentuk dan ketahanannya untuk kekal hingga kini. Dari segi bentuk, pantun amat padat sekali gubahannya berikutan daripada tuntutan ciri-cirinya serta mampu menyampaikan mesej secara tersirat dengan irama yang merdu. Daya ketahanan pantun terbukti kukuh kerana ia masih diminati dan cukup popular berbanding bentuk puisi Melayu tradisional lain dan digunakan dalam acara keramaian sama ada rasmi atau tidak dan termasuk yang bersifat magis.¹ Pantun menjadi kebanggaan kerana ia asli ciptaan pribumi Nusantara ini. Setiap etnik rumpunan Melayu di lingkungan ini termasuk di Sabah, Sarawak dan Indonesia memiliki warisan tradisi berpantun.

Lebih membanggakan lagi, pantun amat dikagumi oleh sarjana Barat apabila mereka berkenalan dengannya. Dengan nada kekaguman, Richard O. Winstedt (1960: 3) antara lain menyatakan, "...no one can estimate the mental scope of the Malays without an understanding of the pantun,..." Francois Rene Daillie (1988: 6) menyifatkan pantun sebagai, "...an epitome of life and a universe in a grain of sand. It carried within itself all the elements of the Malay man's life..." Dari kenyataan ini dapat disimpulkan bahawa pantun itu amat tinggi nilainya kerana ia mencakupi keseluruhan kehidupan manusia Melayu. Keadaan ini jelas sekali mengangkat martabat pantun sebagai salah satu lambang jati diri Melayu itu sendiri.

*Shaiful Bahri Md. Radzi, Hanapi Dollah, Solehah Ishak,
Mohamad Rodzi Abd. Razak dan Mohamed Fadzeli Jaafar*

Asal usul pantun tidak dapat ditentukan dan mungkin ia wujud sejak adanya manusia Melayu lagi. Selari dengan itu, pantun juga dimiliki oleh masyarakat Orang Asli dan antaranya ialah suku kaum Mah Meri. Mah Meri mengakui bahawa pantun mereka adalah saduran hasil proses peminjaman dari tradisi Melayu. Sehaluan itu, makalah ini akan membincangkan sejauh mana kebenaran dakwaan itu dan melihat pengaruh pantun Melayu ke atas pantun mereka.

Mah Meri dan Tradisi Berpantun

Mah Meri ialah kumpulan masyarakat Orang Asli daripada kumpulan Senoi. Mereka merupakan penduduk pesisir pantai yang mendiami kawasan hutan bakau di pantai barat negeri Selangor, khususnya di Pulau Carey.² Di pulau yang terbesar di negeri itu, terdapat enam buah penempatan masyarakat Mah Meri iaitu di Kampung Sungai Judah, Kampung Sungai Bumbun, Kampung Sungai Rambai, Kampung Kepau Laut, Kampung Sungai Jugra dan Kampung Sungai Kurau. Kesemua petempatan masyarakat ini terletak di bahagian selatan pulau tersebut. Berdasarkan kepada bancian penduduk 1993, jumlah penduduk Mah Meri ialah sekitar 2,185 orang sahaja iaitu mewakili kira-kira 2.4% daripada jumlah keseluruhan 92,529 Orang Asli di Malaysia.

Mah Meri mempunyai bahasanya sendiri yang dikenali sebagai bahasa Sisi ataupun Bersisi dan juga fasih berbahasa Melayu. Mereka masih kekal mengamalkan kepercayaan animisme iaitu mempercayai roh datuk nenek yang dikenali sebagai moyang dan pelbagai jenis hantu serta makhluk halus. Pada mereka, Tuhan ialah kuasa tertinggi yang mencipta alam dan manusia. Pelbagai aktiviti keagamaan diadakan sepanjang tahun untuk melahirkan rasa kesyukuran kepada roh moyang yang dipercayai membantu dalam segala aktiviti kehidupan harian mereka (Werner, 1974 dan Carey, 1973 dan 1976).³ Hari perayaan yang disambut secara besar-besaran ialah Hari Moyang yang bertujuan memuja moyang. Sungguhpun mereka mempunyai kepercayaan yang serupa tetapi dari segi sambutan

Hari Moyang di setiap petempatan adalah tidak sama. Sebagai contohnya, di Kampung Sungai Bumbun sambutannya ialah pada bulan September berbanding bulan Februari di Kampung Sungai Judah.

Dari segi ekonomi, masyarakat Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey dewasa ini menjalankan aktiviti pertanian yang lebih menjamin kehidupan mereka. Mereka mengusahakan tanaman kelapa sawit di samping kebun buah-buahan. Selain itu, mereka juga menanam ubi, jagung, kelapa, dan pisang sebagai tanaman sampingan. Berhuma hanya dijalankan di Kampung Sungai Bumbun. Pada amnya, sebahagian daripada kalangan penduduk Mah Meri masih terlibat dengan aktiviti penangkapan ikan. Sungguhpun begitu, pada dasarnya masyarakat suku kaum Mah Meri ini mengamalkan ekonomi tunai (*cash economy*). Carey (1976: 194) menjelaskan bahawa peniaga Cina merupakan orang tengah utama yang mengambil kesempatan daripada sikap pasif masyarakat untuk dapat mengaut keuntungan. Melalui hubungan perniagaan seperti ini, masyarakat Mah Meri mudah memasarkan hasil pertanian dan tangkapan laut mereka dan juga untuk memperoleh kemudahan kredit bagi menampung keperluan harian.

Folklor masih dipertahankan di kalangan masyarakat Mah Meri. Institusi perbomohan masih berfungsi khususnya bagi tujuan ritual seperti pemujaan moyang. Sebaliknya, bagi tujuan perubatan fungsi institusi ini telah mula menurun kerana mereka lebih meyakini perubatan moden. Tarian tradisi masih diamalkan seperti tarian Jo'oh. Seni ukiran patung hanya terdapat di Kampung Sungai Bumbun yang diketuai oleh Pion anak Bumbun. Sastera rakyat berbentuk puisi yang masih popular di kalangan masyarakat Mah Meri di Pulau Carey ini ialah tradisi berpantun terutama di Kampung Sungai Judah dan Kampung Sungai Rambai. Di kedua-dua petempatan ini terdapat pengamalnya seperti Faridah Alang⁴ dan suaminya Batin Dollah, Zainab Sagap dan suaminya Daiman Peron, Ayun Indu serta Miyah Adu. Mereka meminati seni berpantun ini kerana terlibat secara langsung

*Shaiful Bahri Md. Radzi, Hanapi Dollah, Solehah Ishak,
Mohamad Rodzi Abd. Razak dan Mohamed Fadzeli Jaafar*

dengan persembahan tarian Jo'oh yang diselitkan dalamnya nyanyi pantun sejak kecil lagi.

Asal Usul Pantun Mah Meri

Pantun Mah Meri diungkapkan dalam bahasa Bersisi dan juga dalam bahasa Melayu. Selalunya, persembahan pantun ini disampaikan secara berlagu sama seperti orang Melayu menyampaikan dondang sayang. Nyanyian ini diiringi oleh permainan alat muzik dan tarian Jo'oh yang bukan bersifat ritual.⁵ Kebiasaannya, persembahan sedemikian diadakan semasa majlis keramaian ketika majlis kenduri kahwin dan sambutan pembesar yang melawat ke petempatan mereka dengan tujuan untuk keceriaan semata-mata. Pantun Mah Meri kebanyakannya bertemakan cinta dan kasih sayang serta puji-pujian sahaja. Berbanding pantun Melayu, pantun Mah Meri hanya terdapat dalam bentuk empat baris serangkap.

Tradisi berpantun bagi masyarakat Mah Meri ini didakwa sebagai pinjaman daripada orang Melayu yang kemudiannya menjadi sebahagian daripada tradisi lisan mereka. Pion anak Bumbun, ketua pengukir patung⁶ dan salah seorang ketua adat yang dihormati di Kampung Sungai Bumbun menjelaskan bahawa hubungan masyarakat Mah Meri dengan masyarakat Melayu amat rapat sekali pada suatu masa dahulu terutama dengan Sultan Abdul Samad (1857-1898). Ketika itu masyarakat Mah Meri diamanahkan kerja-kerja menyediakan kelengkapan bagi baginda dan rombongannya untuk pergi berburu di Pulau Carey yang ketika itu masih hutan.⁷ Selain itu, Pion juga menjelaskan bahawa masyarakat Mah Meri di situ juga bertanggungjawab menyediakan hasil-hasil hutan untuk dipersembahkan ke istana Sultan Abdul Samad di Bandar Temasya di Jugra. Hubungan yang begitu rapat antara masyarakat Mah Meri dengan orang Melayu inilah memungkin mereka bertembung dan secara tidak langsung tradisi lisan seperti pantun diterima oleh masyarakat ini. Lebih menarik lagi tentang hubungan yang akrab antara Sultan Abdul Samad

dengan suku kaum Mah Meri ini kemungkinan ada kaitannya dengan keturunan. W.W. Skeat dan C.O. Blagden (1966: 360) mendakwa bahawa bonda Sultan Abdul Samad adalah kacukan keturunan Orang Asli.⁸ Jika dakwaan ini benar sudah tentu bonda baginda berketurunan Mah Meri kerana di lokasi itu hanya terdapat suku kaum tersebut sahaja.

Dari segi lokasinya pula, kawasan yang menjadi petempatan utama masyarakat Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey ini amat hampir sekali dengan perkampungan orang Melayu yang hanya dipisahkan oleh Sungai Langat. Perkampungan Melayu yang terletak bertentangan di seberang sungai itu ialah Jugra dan Kelanang. Jugra pada masa pemerintahan Sultan Abdul Samad adalah tempat baginda bersemayam dan pusat pemerintahan khususnya di Bandar Temasya.⁹ Perhubungan ini tidak bermakna bahawa masyarakat Mah Meri hidup berdampingan atau dengan kata lainnya hidup secara terbuka bercampur gaul dengan masyarakat Melayu. Suku kaum ini sama seperti Orang Asli lainnya hidup mengasingkan diri dalam kelompok mereka sahaja. Perhubungan Mah Meri dengan dunia luar hanya terbatas dengan istana Sultan Abdul Samad sahaja mengikut penerangan Pion anak Bumbun. Selain itu, sungai yang menjadi laluan utama ketika itu, khususnya di kawasan pesisir Sungai Langat yang menganjur ke muara termasuk di sekitar kawasan Jugra dan Kelanang, dikongsi bersama oleh orang Melayu dan Mah Meri untuk menjalankan aktiviti harian seperti menangkap ikan dan mengambil hasil-hasil hutan yang meliputi rotan, kayu bakau dan kayu-kayan lain. Keakraban Mah Meri dengan golongan istana dan pertembungan dengan orang Melayu dalam aktiviti harian inilah memungkinkan tradisi berpantun itu disadur mereka.

Pandangan Pion ini selari dengan kajian Juli Edo (2002) yang merumuskan bahawa tradisi berpantun dalam masyarakat Orang Asli adalah dipengaruhi oleh orang Melayu. Beliau menjelaskan hujahnya berdasarkan kepada pengalaman masy-

*Shaiful Bahri Md. Radzi, Hanapi Dollah, Solehah Ishak,
Mohamad Rodzi Abd. Razak dan Mohamed Fadzeli Jaafar*

rakat Orang Asli adalah dipengaruhi oleh orang Melayu. Beliau menjelaskan hujahnya berdasarkan kepada pengalaman masyarakat Orang Asli Semai yang juga merupakan sebahagian Orang Asli adalah dipengaruhi oleh orang Melayu. Beliau menjelaskan hujahnya berdasarkan kepada pengalaman masyarakat Orang Asli Semai yang juga merupakan sebahagian daripada subgolongan Senoi di kawasan Tapah, Perak. Juli Edo antara lain menjelaskan:

...ada di antara mereka yang mewarisi tradisi ini dan ada pula yang meminjamnya dari orang Melayu. Bagi orang-orang dari kelompok Proto-Melayu, seperti Orang Kuala, Temuan, Jakun dan Seletar, pantun telah menjadi darah daging mereka. Manakala bagi orang-orang dari kelompok Senoi dan Semang-Negrato, tradisi ini bukan menjadi budaya warisan tetapi mereka meminjamnya dari orang Melayu hasil dari hubungan sosial yang begitu lama berlaku di antara mereka. ...di kalangan orang Semai di Perak menunjukkan masyarakat ini telah meminjam pantun dan beberapa tradisi lain (seperti adat-resam, jampi dan tradisi perbomohan yang lain) dari orang Melayu.

Secara amnya, hanya sebahagian sahaja daripada masyarakat Orang Asli memiliki tradisi berpantun ini khususnya subgolongan Melayu-Proto sahaja. Sebaliknya, Senoi dan Negrato meminjam tradisi berpantun ini bersama-sama dengan tradisi lain seperti adat resam, jampi dan perbomohan daripada masyarakat Melayu hasil dari hubungan sosial antara kedua-dua masyarakat itu. Sebagai contohnya, masyarakat Orang Hulu dari suku kaum Melayu-Proto di Kampung Peta di kawasan Lembangan Sungai Endau-Rompin sememangnya memiliki pantun dan antaranya seperti berikut:

Sakit kaki (abang pelanduk) bilang tunggul
Tunggul tinggal tepi huma
Sakit hati memandang sanggul
Sanggul dipandang berpagar bunga

Bukit Janin nampak terlintang
Tampak jahit nampak pelanduk
Putih kuning sanggul terlintang
Ku pacak sebab nak mabuk

Bukan teluk sebarang teluk
Teluk Mangga banyak ikan
Bukan mabuk sebarang mabuk
Mabuk cinta meranalah badan

Pantun-pantun di atas merupakan senikata lagu berbentuk pantun masyarakat Orang Hulu yang dinyanyikan oleh Pak Husin dari Kampung Peta, Mersing. Lagu ini dinyanyikan bagi mengiring tarian tradisi masyarakat ini yang dinamai tarian Abang Pelandok.

Jadi pengalaman orang Mah Meri samalah seperti pengalaman orang Semai yang kedua-duanya membentuk kelompok Senoi. Mereka pada asalnya tidak mempunyai tradisi berpantun tetapi meminjamnya daripada orang Melayu. Dalam konteks Mah Meri, kedudukan petempatan mereka yang begitu hampir dengan kawasan Melayu di lembangan Sungai Langat terutama di Jugra dan Kelanang serta hubungan yang akrab dengan Sultan Abdul Samad menyediakan ruang bagi mereka untuk menyadur tradisi ini bagi dijadikan sebahagian daripada tradisi mereka.

Pengaruh Melayu dalam Pantun Mah Meri

Pengaruh Melayu ke atas pantun-pantun Mah Meri ini bukan sahaja terbatas kepada faktor peminjaman sahaja. Jika ditinjau dari segi puisi pantun tersebut akan jelas kelihatan betapa kuatnya pengaruh Melayu itu. Bagi membuktikan pengaruh Melayu dalam pantun Mah Meri perhatikan sahaja pantun di bawah:

1. *Hentok emai ka'ai belayar
Enjup biji tekoh tepois
Hutang emai ekop bayar
Hutanglah budi ka'ailah kebois*

*Shaiful Bahri Md. Radzi, Hanapi Dollah, Solehah Ishak,
Mohamad Rodzi Abd. Razak dan Mohamed Fadzeli Jaafar*

Pisang emas bawa belayar
Masak sebiji di pokok tepos
Hutang emas dapat dibayar
Hutanglah budi dibawa mati¹⁰

(Faridah Alang)

Sekali imbas pantun ini mengingatkan kita kepada pantun klasik yang cukup terkenal di kalangan masyarakat Melayu tentang budi iaitu seperti pantun di atas. Pantun budi Melayu itu telah diubah suai gubahannya dan dialih ke bahasa Bersisi sehingga menjadi pantun Mah Meri. Perbezaan yang ketara hanyalah terletak pada baris kedua sahaja sedangkan yang lainnya tetap serupa. Pada baris kedua pantun Mah Meri itu, sebiji pisang emas itu dikatakan masak di atas pokok tepos dan bukannya di atas peti seperti pantun Melayu. Pokok tepos kebiasaannya dibuat lantai pondok bagi orang Melayu. Di sini, kemungkinan pisang itu masak di atas lantai yang dibuat dari pokok tepos. Jadi dalam kes ini, pantun ini tetap pantun Melayu yang hanya dialih bahasa ke bahasa Bersisi untuk menjadi sebahagian daripada pantun Mah Meri. Keadaan ini menunjukkan betapa kuatnya pengaruh Melayu ke atas pantun Mah Meri. Contoh lain dapat juga diperhatikan dalam pantun berikut:

2. *Pucuk gage masak lebus
Campur nga ka glamak
Pag naga cop e'et rebut
Nohok pula ha ti hemak*

Pucuk pegaga masak rebus
Campur dengan ikan gelama
Mulut naga dapat saya rebut
Inikan pula di tangan orang
(Faridah Alang, Batin Dolah & Ayun Indu)

Pantun kedua ini pula memperlihatkan bahawa dua baris ungkapan pada bahagian maksud itu merupakan ungkapan tipikal Melayu. Ia adalah ungkapan kiasan atau metafora Melayu jati yang diguna pakai oleh Mah Meri. Keadaan ini memper-

lihatkan kecenderungan Mah Meri menerapkan unsur ini dalam pantun yang sememangnya sarat dengan unsur demikian sama seperti pengalaman Melayu. Penggunaan metafora memperindah sesuatu bentuk genre sastera itu. Ia juga melambangkan ketinggian pemakai memanipulasi bahasa. Keadaan ini secara langsung memperlihatkan ketinggian bahasa Mah Meri dalam mengaplikasikan unsur metafora bagi penciptaan pantun mereka. Muhammad Haji Salleh (1999: 45) menyatakan:

...sastera Melayu mempamerkan dirinya sebagai bahasa yang amat kaya dengan menggunakan bentuk metafora ini, suatu alat penting, yang mencanggihkan bahasa dan cara, yang mengembangkan makna biasa dan membantu khalayak mencapai kefahaman dengan lebih mudah dan konkrit dan tidak kurang juga mempersembahkan suatu permainan bahasa yang tiada bandingannya dalam kehidupan harian.

Ungkapan kiasan dalam pantun 2 di atas itu lazimnya diujarkan apabila seseorang itu bertekad, setelah membuat pertimbangan terakhir untuk merebut haknya dengan apa cara sekalipun sama ada secara lembut mahupun paksa. Kebiasaannya, dalam konteks ini, barang yang menjadi rebutan itu ialah gadis idaman dan ungkapan itu diujarkan oleh seorang lelaki seperti pantun Melayu di bawah:

Angin barat bertiup lembut
Bertiup pagi sampai petang
Di mulut naga lagi kurebut
Inikan pula di tangan orang
(Harun Mat Piah 2001)¹¹

Berbanding pantun pertama, pantun kedua ini diubahsuai sama sekali di bahagian pembayangannya supaya ia kelihatan bersifat tempatan. Walaupun apa sahaja ungkapan boleh digunakan untuk dipadankan dengan bahagian maksud tetapi yang lebih pentingnya ialah ungkapan "di mulut naga lagi kurebut, inikan pula di tangan orang," yang membawa mesej untuk

melakukan perhitungan itu. Di sini, di bahagian pembayang pantun Mah Meri ini diselitkan tentang hidangan tipikal mereka untuk dipadankan dengan ungkapan perhitungan itu. Ungkapan “di mulut naga lagi kurebut, inikan pula di tangan orang,” dalam pantun Melayu itu diubah dari segi gantinama yang digunakan dalam pantun Mah Meri. Jika dalam versi Melayu, gantinama “ku” digunakan tetapi dalam versi Mah Meri ia telah digantikan dengan “saya.” Pertukaran ini secara langsung telah melembutkan ungkapan itu kerana ia menuntut penegasan kepada pengujarnya bagi disesuaikan dengan perasaan kemarahan yang meluap-luap.

Penggunaan unsur metafora ini tidak terbatas kepada pantun yang dicipta dalam bahasa Bersisi sahaja. Dalam pantun versi Melayu mereka unsur ini tetap diaplikasikan. Perhatikan sahaja dua contoh di bawah:

3. Tebang ponak tebang meranti
 Kayu condong tepi jalan
..... Mana semak manaku nanti
 Seperti pungguk rindukan bulan

4. Buah bacang tangkai lebat
 Cik Saleh berkedai kain
 Satu pancang tidak melekat
 Hendak beralih ke tempat lain

Pada pantun 3 di atas terdapat unsur kiasan dalam ungkapan “seperti pungguk rindukan bulan.” Di sini jelas sekali jejak itu dilambangkan sebagai pungguk dan bulan bagi pasangan kekasihnya. Berbanding dengan pantun 3, pantun 4 agak lebih dalam makna yang disamarkan oleh unsur metafora ini. Ungkapan “satu pancang tidak melekat, hendak beralih ke tempat lain,” ini membawa maksud jika seseorang itu gagal dalam usahanya memikat atau lebih daripada itu untuk meminang gadis idamannya adalah lebih baik ia beralih kepada gadis yang lain daripada mengimpikan sesuatu yang tidak pasti. Lebih menarik lagi metafora yang digunakan itu dikaitkan dengan

pengalaman mereka yang duduk di pesisiran pantai dengan menggunakan perahu sebagai pengangkutan. Pengalaman itu dikiaskan bagi melambangkan usaha pemuda dalam mencari pasangan hidup.

Satu lagi hal yang menarik tentang pantun Mah Meri ialah pengalaman yang terakam dalam pantun ciptaan mereka. Pengalaman pantun Mah Meri itu bolehlah dikatakan cukup selari dengan pengalaman Melayu. Francois Rene Daillie (1988: 6) dalam ulasannya terhadap pantun Melayu menyatakan:

...this brief poem is an epitome of life and a universe in a grain of sand. It carried within itself all the elements of the Malay man's life: his land, his house, his garden, his paddy field; the river, the sea or the forest; the trees, fruits, animals, birds, fishes; the few simple things of everyday use, it expresses his customs and tradition, wisdom, beliefs and feelings of all sorts, his love of man, woman and God.

Rene Daillie menegaskan bahawa pantun Melayu merakamkan ruang lingkup kehidupan masyarakat Melayu. Di dalam pantun dilukiskan segala-segalanya tentang orang Melayu daripada tempat tinggal hinggalah kepada perasaan, agama, dan adat resamnya. Pernyataan-pernyataan tentang kehidupan itu dilukiskan melalui penggunaan motif. Dalam keadaan yang sama perhatikan pantun Mah Meri di bawah:

5. *Gul niyung masak pengat
Campur nga isi ngale
Yek cok biar ingat
Adik ha tohok dak ale*

Ambil kelapa masak pengat
Campur dengan isi ubi
Abang pergi biar ingat
Adik di sini ada lagi
(Zainab Sagap & Daiman Peron)

Shaiful Bahri Md. Radzi, Hanapi Dollah, Solehah Ishak,
Mohamad Rodzi Abd. Razak dan Mohamed Fadzeli Jaafar

6. *Pele enjup naca tupai*
Tupai gulai dengan ngale
Macam manik hik telok empai
E'ei masih dak ale
- Buah masak dimakan tupai
Tupai gulai dengan ubi
Macam mana awak cari yang baru
Saya masih ada lagi
(Faridah Alang, Batin Dolah & Ayun Indu)
7. *Cok laut tarik kise*
Cop meko udang galah
Biar e'et nanggung esa
Kajet ngot serba salah
- Pergi laut tarik kisa
Dapat seekor udang galah
Biar saya menanggung siksa
Tak ikut serba salah
(Zainab Sagap & Daiman Peron)
8. *Cok telok ketam tipak*
Haga gulai pucuk ngale
Cok bakau keret tercampak
Telok untung kop wale
- Pergi cari ketam tipak
Hendak gulai pucuk ubi
Ke hutan bakau badan tercampak
Cari untung tidak dapat
(Zainab Sagap & Daiman Peron)
9. *Cok laut doh seghek*
E'et titi log nyireh
Mah kabar e'et seghek
E'et simpan ha gerih
- Pergi laut air tinggi
Saya titi kayu nyireh
Orang kata saya tinggi
Saya simpan dalam hati
(Faridah Alang, Batin Dolah & Ayun Indu)

10. *Batang pinang ebei titi
Daun niung ebeilah jerat
Kasih e'et mudah ngot ganti
Edeih dunia edeih akhirat*

Batang pinang buat titi
Daun kelapa buat jerat
Kasih saya tak mudah berganti
Sampai dunia sampai akhirat

(Faridah Alang)

Jika diperhatikan secara mendalam pantun 5 hingga 10 di atas akan jelas sekali contoh-contoh puisi ini menggambarkan dunia Mah Meri yang melibatkan manusia, persekitaran, kehidupan dan kepercayaannya. Pantun 5 dan 6 melukiskan tentang hidangan yang dinikmati oleh suku kaum ini. Dalam pantun 5, dinyatakan mereka memasak pengat yang dicampurkan ubi. Membuat pengat itu pula memerlukan kelapa sebagai salah satu bahan utama selari dengan orang Melayu membuat hidangan yang serupa. Gambaran ini dinyatakan dalam ungkapan seperti "ambil kelapa masak pengat, campur dengan isi ubi." Sebaliknya, dalam pantun 6 dinyatakan juga bahawa protein yang diambil oleh masyarakat ini termasuk juga daging tupai. Ini dinyatakan dalam baris kedua pantun tersebut apabila disebut, "tupai gulai dengan ubi." Bagi menambahkan keenakan masakan tupai itu, ia perlu digulai dengan ubi. Di sini, jelas sekali menunjukkan kedudukan ubi sebagai makanan utama mereka selepas beras (nasi) sebagai makanan ruji.

Secara tradisinya, pekerjaan utama Mah Meri ialah aktiviti perikanan tetapi kini mereka mengusahakan pertanian kekal khususnya kelapa sawit. Sebagai suku kaum yang mendiami bahagian pesisir pantai, Mah Meri secara sambilannya tetap ke laut untuk menangkap ikan termasuk hasil-hasil laut lain sebagai sumber makanan mereka. Gambaran ini turut diaplikasikan juga dalam pantun-pantun ciptaan mereka. Keadaan ini dapat dilihat dalam pantun 7 dan 8 di atas. Pantun 7 umpamanya, dengan jelas dinyatakan bahawa mereka pergi ke laut melalui ungkapan "pergi laut

tarik kisa,” dan mendapat ganjaran seekor udang galah dalam usaha itu. Ungkapan itu juga memperlihatkan Mah Meri juga mempunyai kemahiran untuk menangkap ikan melalui penggunaan kisa. Kisa ialah sejenis jala yang lebih kecil bentuknya. Keadaan ini juga menggambarkan jerih perih kehidupan seorang nelayan termasuk juga orang Mah Meri bahawa usaha mereka selalunya bergantung kepada nasib. Kadang kala ia menjanjikan suatu pengharapan yang tinggi melalui tangkapan yang banyak tetapi ada kalanya ia tidak membuahkan sebarang hasil hanya sekadar “dapat seekor udang galah.” Selain mencari sumber di laut untuk makanan, Mah Meri juga mencari ketam. Selalunya ketam ini dicari di sepanjang pesisiran pantai. Ketam yang dicari itu dinyatakan pula hendak digulai dengan pucuk ubi (“pergi cari ketam tipak, hendak gulai pucuk ubi,” – pantun 8) iaitu satu lagi hidangan mereka. Gambaran lain tentang pekerjaan sampingan dan hasil-hasil tangkapan mereka seperti ikan gelama, siakap, dan ikan lundu tergambar dalam pantun-pantun lain ciptaan suku kaum Mah Meri ini.

Kehidupan di pesisiran pantai dan dikawasan kepulauan mematangkan mereka. Hubungan mereka dengan persekitaran itu amat akrab sekali. Dalam pantun 9 umpamanya, terdapat ungkapan menyatakan, “pergi laut air tinggi.” Di sini ia bermaksud bahawa masyarakat Mah Meri pergi ke laut hanya ketika air laut telah pasang. Waktu itu dipilih untuk pergi ke laut kerana memudahkan mereka keluar dengan sampan dari kuala sungai. Keadaan muka bumi yang berlumpur dan berhutan bakau menyukarkan pergerakan sampan untuk disorong sampai ke air. Selain itu, dalam pantun Mah Meri ini dinyatakan juga tentang tumbuh-tumbuhan yang terdapat di pulau itu seperti pinang, kelapa, nyireh, ponak, meranti dan tepos. Secara tidak langsung ia menggambarkan tentang pulau yang masih berhutan dan masih belum diterokai. Setiap batang kayu itu pula ada kepentingannya dan setidak-tidaknya dapat juga digunakan sebagai titian untuk menyeberangi parit. Selain batang pokok boleh dibuat titian, daun kelapa dapat dibuat jerat dan ini melambangkan kesederhanaan mereka menggunakan apa

sahaja yang ada di sekelilingnya untuk membuat sesuatu. Ini juga menunjukkan bahawa hutan yang terdapat di pulau itu menyediakan kawasan bagi mereka menjerat binatang dan tentunya sebagai sumber makanan. Keadaan ini dinyatakan dalam pantun 10 baris kedua yang berbunyi “daun kelapa buat jerat.” Seterusnya dalam baris terakhir pantun 10 itu juga dinyatakan “sampai dunia sampai akhirat.” Ungkapan ini secara langsung menyerlahkan kepercayaan mereka yang berfahaman animisme itu tentang kewujudan alam akhirat yang akan dilalui mereka selain daripada alam dunia ini.

Alam pantun Mah Meri ini juga selari dengan pantun Melayu melalui penggunaan nama tempat dan topografi kawasan khususnya yang berada di persekitaran mereka di Pulau Carey. Pengaplikasian nama tempat dan topografi ini secara langsung dapat menonjolkan pulau itu keluar daripada dunia sempit yang dikelilingi air laut itu. Nama-nama tempat dan topografi ini dapat dilihat dalam contoh-contoh pantun versi Melayu di bawah:

11. Terlintang Bukit Jugra
Nampak mari Sungai Kelanang
Terlintang sanggul Mak Uda
Itu membuat hati tak senang
12. Sungai Air Hitam arus deras
Tidak boleh bergantung kaki
Hati manis merajuk deras
Tidak boleh dipujuk lagi
13. Ambil galah jolok jantung
Tegal jantung pisang tak masak
Niat hati nak lihat tanjung
Tegal gunung tanjung tak nampak
14. Burung gagak terbang tinggi
Patah dahan pelantinglah dia
Orang dagang tak lama di sini
Lepas musim baliklah dia

Antara tempat popular yang sering disebut-sebut dalam pantun Mah Meri ialah Bukit Jugra. Bukit Jugra adalah satu-satunya tanah yang tinggi yang terdapat di bahagian pesisiran pantai barat negeri Selangor. Di bahagian lereng bukit ini, iaitu bahagian yang menghadap ke laut terdapat sebuah rumah api bagi memandu kapal yang hendak masuk ke Pelabuhan Kelang. Bagi masyarakat Mah Meri dan termasuk sesiapa juga yang menggunakan pengangkutan air akan menjadikan bukit itu sebagai panduan untuk menentukan arah. Ini kerana Bukit Jugra boleh dilihat dari sudut mana sekalipun ketika berada di kawasan itu. Selain Bukit Jugra, terdapat Sungai Kelanang (pantun 11) dan Sungai Air Hitam (pantun 12). Dari segi topografi pula, 'tanjung' adalah antara bentuk fizikal bumi yang kerap sekali digunakan dalam pantun seperti dalam pantun 13. Kekekapan itu kemungkinan kerana di kawasan itu sememangnya banyak terdapat tanjung selain daripada telok, pulau dan sungai. Topografi inilah yang menyebabkan timbul masalah lanun pada suatu masa dahulu kerana memudahkan mereka bersembunyi dari dijejaki.¹²

Dalam pantun 14 disebut pula tentang burung gagak. Gagak melambangkan kekotoran dan menjijikkan kerana makanannya termasuk bangkai dan segala lebihan makanan yang telah busuk. Di sini digambarkan gagak itu menerima nasib malang kerana dahan tempat ia hinggap patah dan menyebabkan ia terpelanting ("burung gagak terbang tinggi, patah dahan pelantinglah dia"). Memandangkan gagak membawa konotasi kekotoran maka motif gagak dalam pantun Mah Meri dikaitkan dengan kecelakaan yang dialami olehnya. Ini seolah-olah menggambarkan hendak menyahkan burung itu kerana kehadirannya tidak diperlukan. Satu hal yang menarik tentang sejarah burung gagak itu ialah ianya ada kaitan dengan Pulau Carey. Burung ini asalnya telah dibawa masuk pertama kalinya ke pulau itu pada tahun 1902 oleh E.V. Carey dari Ceylon untuk mengawal serangan ulat yang menyerang tanaman kopi yang diusahakan ketika itu. Usaha itu gagal dan burung pemangsa itu kekal hingga sekarang sehingga masalah di Klang (Tate 1996 dan Durai Raja Singam 1968: 233-234).

Oleh itu, jelas sekali bahawa pantun Mah Meri merupakan gambaran kehidupan masyarakat itu sendiri. Dalam pantun itu terungkap segala-galanya tentang kehidupan suku kaum ini dipersekitaran gugusan pulau di pantai barat negeri Selangor terutama di Pulau Carey. Dalam pantun Mah Meri dirakamkan tentang tanaman, tumbuhan, pekerjaan, nama tempat, topografi dan perkara-perkara menarik serta termasuk kepercayaan mereka yang animisme selari dengan pengalaman Melayu. Mereka bukan sahaja meminjam tradisi berpantun ini dari jiran Melayunya tetapi menggunakan acuan yang sama untuk mengaplikasikan apa-apa sahaja berkenaan diri mereka. Keadaan ini jelas sekali menunjukkan pengaruh Melayu dalam pantun ciptaan mereka sama ada dalam versi Bersisi mahupun Melayu.

Selain menggambarkan persekitaran masyarakat pemiliknya, pantun juga digunakan sebagai wadah luah perasaan. Berdasarkan 3,000 rangkap pantun yang diteliti, Harun Mat Piah (1989: 167-168) menjelaskan bahawa lebih daripada 60% pantun Melayu merujuk kepada kehidupan bercinta antara para kekasih dengan membayangkan perasaan, harapan, pengalaman dan pergolakan jiwa orang-orang yang sedang bercinta. Melalui pandangan ini, Harun Mat Piah mengklasifikasikan tema ini kepada pembahagian yang lebih kecil lagi seperti berkenalan dan usik-mengusik; berkasih, bersetia dan kepuasan berkasih; kasih menumpang, cemburu dan bercerai; dan yang terakhirnya ialah kegagalan dan penyesalan. Keadaan ini dengan jelas sekali menunjukkan bahawa pantun adalah wadah utama orang Melayu menyampaikan luahan perasaannya dalam bentuk yang puitis sekali.

Selari dengan pengalaman Melayu, suku kaum Mah Meri di Pulau Carey ini juga menggunakan bentuk pantun ini dengan tujuan yang serupa. Lebih 75 peratus daripada sejumlah 124 rangkap pantun masyarakat Orang Asli Mah Meri yang dikumpulkan itu adalah pantun yang bertema cinta dan kasih

*Shaiful Bahri Md. Radzi, Hanapi Dollah, Solehah Ishak,
Mohamad Rodzi Abd. Razak dan Mohamed Fadzeli Jaafar*

sayang. Secara tidak langsung bolehlah dikatakan terdapat persamaan ketara antara masyarakat ini dengan masyarakat Melayu dalam menggunakan pantun sebagai wadah meluahkan perasaan cinta dan kasih sayang. Perhatikan contoh-contoh pantun masyarakat Mah Meri yang bertema sedemikian di bawah:

15. *Haga kaca laut hap
Ka lundu kaca kele
Haga ngayuh pahuk hap
Gerih rindu tahat kele*

Hendak makan laut habis
Ikan lundu makan juga
Hendak mengayuh dayung tiada
Hati rindu ku tahan jua
(Faridah Alang, Batin Dolah & Ayun Indu)

16. *Duei nohok duei lamet
Haga ketek dengan selup
Haga getek leg met
Edep ingat mah elep*

Duri ini duri lamet
Hendak dipotong dengan selup
Hendak tidur, tidurlah mata
Jangan ingat orang jauh
(Faridah Alang, Batin Dolah & Ayun Indu)

17. *Cok kedai beli lobak
Gulai nga ka glamak
Alur gendek lagi berubah
Nohok pulak gerih hemak*

Pergi kedai beli lobak
Gulai dengan ikan gelama
Alur sungai lagi berubah
Inikan pula hati orang
(Faridah Alang, Batin Dolah & Ayun Indu)

Pelbagai pengalaman orang berkasih dan bercinta dirakam dalam contoh pantun di atas. Kerinduan merupakan lumrah yang harus ditempuhi oleh pasangan yang berkasih

seperti terakam dalam pantun 15 dan 16. Dalam pantun 15 umpamanya, kerinduan itu timbul kerana mereka terhalang oleh ketiadaan pengangkutan. Jelas sekali keadaan fizikal pulau itu yang menuntut penggunaan pengangkutan air seperti sampan sehingga membataskan percintaan pasangan itu (“hendak mengayuh dayung tiada”). Berbanding dengan pantun 16, kerinduan itu diredakan dengan memujuk mata supaya tidur sahaja melalui ungkapan “hendak tidur, tidurlah mata, jangan ingat orang jauh.” Sebaliknya, dalam pantun 17 kekecewaan dan kegagalan bercinta iaitu risiko yang harus ditanggung juga dilukiskan dalam pantun ciptaan Mah Meri. Keadaan yang sama digambarkan juga dalam pantun versi Melayu ciptaan suku kaum ini seperti di bawah:

18. Pulau Pinang laut keliling
Tempat mengail ikan tenggiri
Sirih pinang dapat dikirim
Kalau rindu datang sendiri
19. Pulau Pinang laut keliling
Nampak mari Pulau Rezak
Sirih pinang boleh ku kirim
Hati rindu mana nak bawak
20. Dua kali Pulau Pinang
Putus tali sampan mengganggu
Dua kali hamba terkenang
Namun air terasa mabuk
21. Selat Melaka laut tenang
Banyak berlabuh perahu Bugis
Dalam hati tak dapat senang
Dalam ketawa saya menangis
22. Ayam borek kelabu bintang
Tambat mari limau manis
Nakku mudik hari petang
Bentang tikar tunduk menangis

23. Kunang-kunang ku sangka api
 Kalau api mana baranya
 Tunang-tunang kusangka jadi
 Kalau jadi mana tandanya
24. Burung belatuk baru bertelur
 Telur ada dalam gua
 Abang mengantuk marilah tidur
 Bantal satu kita berdua

Pengalaman yang sama juga dirakamkan dalam pantun di atas. Kerinduan, kekecewaan, kegembiraan yang penuh dengan kesedihan dan kejenakaan turut diperlihatkan oleh pasangan yang bercinta dalam pantun. Keadaan ini jelas sekali memperlihatkan bagaimana masyarakat Mah Meri menggunakan pantun sebagai wadah luahan perasaan cinta mereka sama seperti orang Melayu dalam pantun mereka.

Kesimpulan

Pantun diakui dunia sebagai ciptaan asli milik peribadi dan menjadi kebanggaan peribumi Nusantara. Keistimewaan dan keunikannya amat dikagumi oleh peneliti Barat. Sebaliknya, di kalangan Orang Asli hanya subgolongan Melayu-Proto sahaja yang memiliki warisan ini berbanding dengan Senoi dan Negrito. Walau bagaimanapun, suku kaum Mah Meri dari kumpulan Senoi yang menetap di Pulau Carey tidak ketinggalan memiliki warisan tradisi berpantun ini. Tradisi berpantun di kalangan masyarakat ini dikatakan dipinjam dari jiran Melayu terdekat mereka di sekitar Jugra dan Kelanang yang hanya dipisahkan oleh Sungai Langat. Sungguhpun dalam realitinya mereka mengasingkan diri dari hidup bercampur dengan masyarakat luar tetapi semasa pemerintahan Sultan Abdul Samad hubungan itu amat akrab. Hubungan itu timbul akibat suku kaum ini diamanahkan untuk menyediakan kelengkapan perburuan baginda dan termasuk juga membekalkan sumber hutan. Kesan daripada jalinan hubungan ini memungkinkan Mah Meri menyadur tradisi berpantun itu untuk dijadikan sebahagian daripada warisan budaya mereka.

Pantun Mah Meri amat dipengaruhi oleh pantun Melayu. Dari segi bentuk, ia menyamai pantun Melayu lengkap dengan rima akhirnya, pembayang dan maksud, dan jumlah suku kata tetapi ciptaan itu terhad kepada empat baris serangkap sahaja. Pantun Mah Meri juga memperlihatkan saduran yang dialih bahasa dengan sedikit ubah suai. Selain itu, sebagaimana penggunaan pemilik asalnya, pantun Mah Meri menggambarkan kehidupan masyarakat pemiliknya. Dalamnya digambarkan tentang persekitarannya, tumbuhan, hidangan, tempat, topografi kawasan dan juga digunakan sebagai wadah untuk menyatakan luahan perasaan mereka.

Nota Kaki

- ¹ Bagi pantun yang berunsur magis, lihat Harun Mat Piah (1989) dan Harun Daud (2002).
- ² Keterangan lanjut tentang lokasi Pulau Carey, Lihat Shaiful Bahri Md. Radzi (2002a dan 2002b).
- ³ Keterangan lanjut tentang kepercayaan Mah Meri, lihat Wazir Jehan Begum Karim (1980).
- ⁴ Lebih dikenali sebagai Mak Datin oleh penduduk tempatan di Sungai Rambai.
- ⁵ Keterangan lanjut tentang tarian Jo'oh, lihat Shaiful Bahri Md. Radzi (2003).
- ⁶ Keterangan lanjut tentang patung Mah Meri, lihat Roland Werner (1974).
- ⁷ Asalnya pulau ini dikenali sebagai Pulau Si Alang sebelum dinamai Pulau Carey iaitu sempena nama E.V. Carey seorang peladang Eropah yang mengusahakan pulau itu dengan tanaman perladangan (S. Durai Raja Singam 1968: 233-234). Allang atau Tunku Allang ialah nama timang-timang Raja Yaakob atau Tunku Yaakob, anak bungsu dan anak emas Sultan Abdul Samad. Beliau adalah antara yang didakwa terlibat dalam kegiatan lanun yang merompak kapal dagang milik Inggeris di Kuala Langat pada November 1873 bersama Raja Mahmood dan Raja Bot (H.S. Barlow 1995: 74). Peristiwa ini kemudiannya dijadikan punca campur tangan British di Selangor. Bagi Mah Meri, Pion menjelaskan bahawa mereka menamakan pulau ini sebagai

*Shaiful Bahri Md. Radzi, Hanapi Dollah, Solehah Ishak,
Mohamad Rodzi Abd. Razak dan Mohamed Fadzeli Jaafar*

Telok Gonjeng. Gonjeng ialah sejenis paku pakis yang boleh disayur dan terdapat dengan begitu banyak di pulau itu.

⁸ “*The late Sultan Abdul Samad of Selangor, whose mother was said to have been of aboriginal extraction,...*” W.W. Skeat dan C.O. Blagden (1966: 360)

⁹ Bagi melihat gambaran tentang Jugra dan Bandar Temasya ketika pemerintahan Sultan Abdul Samad, lihat H.S. Barlow (1995: 72-95); Emily Innes (1993) dan Isabella Bird (1967).

¹⁰ Terjemahan pantun Mah Meri ke bahasa Melayu dilakukan oleh Cikgu Mohd. Halim Marzuki dengan bantuan Zainab Sagap, Daiman Peron, Faridah Alang dan Miyah Idu.

¹¹ Dipetik oleh Harun Mat Piah dari *Sekalung Budi Seuntai Bahasa*, 1990. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

¹² Aktiviti lanun antara penyebab utama digunakan oleh British untuk campur tangan di Selangor. Sekarang aktiviti penyeludupan kerap berlaku di kawasan ini terutama penyeludupan rokok kretek dari Indonesia.

Bibliografi

- Barlow, H.S. 1995. *Swettenham*. Kuala Lumpur: Southdene.
- Carey, I. 1973. "A brief account of the Mah Meri." *JMBRAS*. Vol. 46 (2) pp: 185-194.
- Carey, I. 1976. *Orang Asli: The aboriginal tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Dailie, F. 1988. *Alam pantun Melayu: Studies on the Malay pantun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Durai Raja Singam, S. 1968. *A hundred years of Ceylonese in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur.
- Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu tradisional: Satu pembicaraan genre dan fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. 2001. *Pantun Melayu: Bingkisan permata*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Juli Edo. 2002. "Pantun dan Orang Asli: Tinjauan sejarah perkembangan tradisi ini dikalangan Orang Semai di Perak." Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Antarabangsa Pantun. Hotel Istana Kuala Lumpur, 1-3 Julai 2002.
- Muhammad Haji Salleh. 1999. *Menyeberang sejarah: Kumpulan esei pilihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nicholas, C. 2000. *The Orang Asli and the contest for resources: Indigenous politics, development and identity in Peninsular Malaysia*. Copenhagen: International Work Group for Indigenous Affairs.

Shaiful Bahri Md. Radzi, Hanapi Dollah, Solehah Ishak,
Mohamad Rodzi Abd. Razak dan Mohamed Fadzeli Jaafar

Shaiful Bahri Md. Radzi. 2002a. "Pantun dalam masyarakat Orang Asli Mah Meri." Kertas Kerja dibentangkan di *Seminar Antarabangsa Pantun*. Hotel Istana Kuala Lumpur, 1 – 3 Julai 2002.

Shaiful Bahri Md. Radzi. 2002b. "Pantun Mah Meri." Kertas Kerja dibentangkan di *Bicara Pengajian Melayu* di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, FSSK, UKM.

Shaiful Bahri Md. Radzi. 2002c. "Pantun: Manifestasi budaya Orang Asli Mah Meri." *Dewan Budaya*. Jil. 24 (11) ms: 60 – 61.

Shaiful Bahri Md. Radzi. 2003. "Tarian Jo'oh Mah Meri." *Dewan Budaya*. Jil. 25 (3) ms: 44-45.

Skeat, W.W. dan Blagden, C.O. 1966. *Pagan races of the Malay Peninsula*. Vol 1. Singapura: Frank Cass.

Tate, D.J.M. 1996. *The RGA history of the Plantation industry in the Malay Peninsula*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Werner, R. 1974. *Mah Meri art and culture*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.

Winstedt, R.O. 1960. "Introduction." In R.O. Winstedt and R.J. Sturrock. *Malay Pantun*. Singapore: Malayan Publishing House.